

Kes rasuah dan pengubahan wang haram

Ismail Sabri belum dipanggil sambung beri keterangan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Ismail Sabri kemungkinan tidak akan dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tempoh terdekat untuk menyambung proses memberi keterangan berhubung kes rasuah dan pengubahan wang haram yang dikaitkan dengannya.

Sumber SPRM berkata, setakat ini bekas Perdana Menteri itu belum lagi dipanggil untuk tujuan itu, meskipun sebelum ini beliau dikatakan bakal menyambung proses memberi keterangan minggu ini.

“Setakat minggu ini SPRM belum nak panggil dia (Ismail Sabri),” katanya kepada *BH*.

Jumaat lalu, *BH* melaporkan proses mengambil keterangan Ismail Sabri dijangka disambung minggu ini, dengan Ahli Parlimen Bera itu sehingga kini sudah

tujuh kali hadir ke ibu pejabat SPRM bagi tujuan itu.

Kali terakhir keterangan beliau diambil pada 24 Mac lalu yang mana proses itu mengambil masa lima jam.

Sehingga kini, lebih 30 jam sesi keterangan direkodkan sejak kali pertama dibuat.

Ismail Sabri disiasat berkaitan kes rasuah dan pengubahan wang haram berhubung perbelanjaan dan perolehan dana untuk promosi serta publisiti program Keluarga Malaysia semasa tempoh perkhidmatan beliau antara Ogos 2021 hingga November 2022.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Terdahulu, Ismail Sabri dilaporkan memberi keterangan kepada pegawai penyiasat selama kira-kira lima jam, sehari selepas beliau membuat pengisytiharan harta pada 10 Februari lalu.

Beberapa hari kemudian, empat individu termasuk dua bekas pegawai kanannya ditahan SPRM untuk siasatan lanjut.

Ia membawa kepada serbuan di tiga premis dengan penemuan wang tunai pelbagai negara berjumlah RM170 juta dan 16 jongkong emas bernilai RM7 juta di sebuah kondominium yang didakwa sebagai *safehouse*.

Beberapa siri keterangan sebelum ini tidak dapat dilakukan susulan masalah kesihatan bekas Perdana Menteri itu tidak mengizinkan, selain Ahli Parlimen Bera berkenaan juga diberi cuti sakit oleh doktor.